

**TEKS UCAPAN  
PUAN MAIMUNAH MOHD SHARIF  
YANG DIPERTUA MPSP  
SEMPENA  
MAJLIS MAKAN MALAM PESUKA  
PADA 18 NOVEMBER 2011 DI DEWAN  
KOMPLEKS SUKAN MPSP, KEPALA BATAS**

---

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Y.Bhg Surveyor Tuan Hj Rozali Bin Hj Mohamud  
Setiausaha Perbandaran MPSP Merangkap Timbalan Yang  
Dipertua PESUKA

Y.Bhg Encik Abdul Wahid Bin Karim  
Naib Yang Dipertua PESUKA

Y.Bhg Encik Mat Nasir Bin Hassan  
Setiausaha Kehormat PESUKA Merangkap Pengerusi Majlis  
Makan Malam

Y.Bhg Dato' Bandar Majlis Bandaraya Ipoh  
Dato' Haji Roshidi Bin Haji Hashim

Y.Bhg Tuan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran  
Sg Petani

Ahli-Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tetamu-Tetamu Kehormat Daripada :  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang  
Majlis Bandaraya Ipoh  
Majlis Perbandaran Taiping  
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar  
Majlis Perbandaran Kangar  
Majlis Perbandaran Sungai Petani  
Majlis Bandaraya Alor Setar

Tidak lupa kepada Para Wartawan yang sentiasa bersama  
MPSP

Dan Seterusnya

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Para Hadirin Sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera**

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Para Hadirin Sekalian,**

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurniaNya maka dapatlah saya hadir di sini untuk Program Majlis Makan Malam PESUKA. Saya berasa amat berbangga kerana dapat bersama-sama meraikan majlis yang penuh bermakna ini.

Sepertimana yang diketahui umum, Persatuan Kebajikan, Sukan Dan Sosial atau lebih dikenali sebagai PESUKA, MPSP ditubuhkan untuk menjaga kebajikan dan menggalakkan kegiatan-kegiatan sukan dan rekreasi dikalangan ahli-ahlinya. Pembabitan aktif dalam sukan dapat melahirkan budaya bersukan serta menyumbang kepada kecergasan semua lapisan warga MPSP.

Sehubungan itu, fenomena positif ini akan menjana pembentukan kakitangan yang sentiasa bersedia memberi khidmat profesional dan efektif. Aktiviti seumpama ini juga adalah merupakan satu wadah yang disediakan bagi mendukung matlamat kerajaan melahirkan pekerja-pekerja yang sentiasa cergas, aktif, berdisiplin, berdaya maju dan berdaya tahan.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Para Hadirin Sekalian,**

Melalui aktiviti serta program yang dijalankan, ianya diharap akan dapat memupuk semangat kerjasama berpasukan dan mengeratkan hubungan integrasi berbilang kaum. Saya yakin penganjuran aktiviti terutama aktiviti besar seperti Karnival Sukan serta Sukan Kerajaan Tempatan Utara atau SUKTU sebelum ini mampu memupuk semangat kerjasama serta setia kawan dalam suasana muhibbah dikalangan pegawai dan kakitangan. Ini menjadikan ianya landasan penting untuk kakitangan saling bermesra dan lebih mengenali serta bertukar-tukar fikiran antara satu sama lain. Sememangnya tujuan ini amat baik kerana adalah penting bagi semua jabatan dan dikalangan PBT dapat berfungsi sebagai sebuah pasukan mantap dan bersatu-padu.

Pelbagai sukan telah diadakan oleh PESUKA sepanjang tahun 2010 dan 2011. Ia melibatkan acara kanak-kanak hingga ke acara dewasa seperti Karnival Sukan Rakyat, Sukan Antara Jabatan Dan Bola Sepak Terbuka Piala YDP. Kalau dahulu, kita mempunyai satu program sukan dikenali sebagai "Local Government Games" atau SKT (Sukan Kerajaan Tempatan). Walau bagaimana pun sukan

ini sudah lama tidak diaktifkan sejak 1995. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan di Wilayah Utara telah menubuhkan SUKTU iaitu Sukan Kerajaan Tempatan Utara yang dianggotai oleh PBT di Wilayah Utara dan MPSP telah menjadi tuan rumah untuk SUKTU tahun ini iaitu telah diadakan pada bulan April 2011. Tuan rumah sukan SUKTU seterusnya adalah Majlis Bandaraya Ipoh yang akan berlangsung pada tahun 2012. Kita ada wakil dari Majlis Bandaraya Ipoh yang dihadiri sendiri oleh Dato' Bandar disini. Semoga Ipoh dapat menjayakannya dengan lebih cemerlang pada tahun hadapan.

Melalui SUKTU di samping bersukan kita juga boleh merapatkan silaturrahim, bertukar-tukar fikran dan berkongsi "best practise" di PBT masing-masing. Saya percaya MPSP boleh belajar dengan PBT yang lain dan juga sebaliknya. Tanpa kerjasama erat daripada semua kakitangan, segala program yang dirancang tidak akan berjaya mencapai matlamatnya. Saya amat menyokong penuh usaha ini ke arah membentuk tenaga manusia yang lebih produktif, inovatif dan berkeupayaan tinggi.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Para Hadirin Sekalian,**

PESUKA tidak hanya menumpukan kepada aktiviti sukan sahaja tetapi turut menitikberatkan aspek kebajikan ahli-ahlinya. Antara kemudahan yang disediakan adalah memberi sumbangan kebajikan keatas kematian ahli dan keluarga, sumbangan pesakit kronik (ahli), bencana alam, mendapat cahayamata, anugerah anak cemerlang dan sumbangan perkahwinan. PESUKA juga turut menyediakan pelbagai pinjaman untuk kemudahan ahli-ahlinya dan sejumlah RM 90,740 telah dikeluarkan untuk tahun 2011 ini untuk menampung perbelanjaan ahli yang memerlukan dan seramai 360 ahli telah mendapat manfaat daripadanya.

PESUKA juga tidak lupa akan aspek sosial ahli-ahlinya. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah dengan menganjurkan lawatan-lawatan di dalam dan luar negara dan juga program " treasure hunt " yang telah berjaya diadakan dua tahun berturut-turut. Saya difahamkan sambutan yang diterima amat membanggakan. Sekali lagi tahniah saya ucapkan dan saya amat berharap agar program-progam seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sehubungan itu, Program Makan Malam ini diadakan bagi menghargai ahli-ahli yang juga merupakan kakitangan MPSP yang selama ini banyak membantu PESUKA dalam menyumbang tenaga dan buah fikiran untuk memastikan setiap program yang dianjurkan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Para Hadirin Sekalian,**

Selaras dengan hasrat kerajaan Negeri Pulau Pinang menuju ke arah Negeri Hijau, maka pelbagai inisiatif telah dan sedang diambil oleh kerajaan Negeri dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat jelata. Kerajaan Negeri sentiasa menyumbang dalam menangani perubahan iklim melalui pelbagai program pemuliharaan alam sekitar. Tahun ini Pulau Pinang telah mencatatkan sejarah apabila menjadi negeri pertama di Malaysia melancarkan kempen 'Setiap Hari Tanpa Beg Plastik Percuma'.

Oleh itu, selari dengan aspirasi kerajaan Negeri, dalam mencapai hasrat tersebut, serta melalui Program Transformasi MPSP, KRA yang pertama iaitu mempertingkatkan penggunaan bahan buangan, kitar

semula dan mengurangkan sampah ke tapak pelupusan, PESUKA telah mengambil inisiatif mempromosi hasrat kerajaan Negeri dengan turut menyumbang cenderahati beg khas dan kalender 2012 kepada ahli bagi mempromosi Negeri Hijau. Saya dimaklumkan persembahan boria khas menjurus kepada 'Cleaner Greener Penang' juga akan dipersembahkan pada malam ini. Sama-samalah kita nantikan.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Para Hadirin Sekalian,**

Dalam dunia di hujung jari sekarang, 'facebook' adalah salah satu medium perantara yang amat penting. Facebook telah memudahkan lagi maklumat disampaikan secara tepat dan cepat. Selain itu maklumat juga dapat disebarluaskan dengan meluas. Saya juga percaya semua warga MPSP mempunyai akaun facebooknya sendiri. Selaras dengan itu PESUKA telah mengambil langkah proaktif untuk mewujudkan akaun facebook PESUKA dan pada malam ini akaun facebook PESUKA akan dilancarkan secara rasminya. Syabas saya ucapkan atas transformasi ini. Dengan adanya akaun facebook PESUKA ini saya harap

segala maklumat berkaitan PESUKA akan disebarluaskan kepada umum dengan lebih cepat dan tepat.

Sepertimana yang telah dimaklumkan oleh Encik Nasir tadi, seramai 77 pelanggan facebook telah menjadi rakan PESUKA walaupun hanya baru beberapa hari sahaja akaun ini diwujudkan. Ini adalah satu perkembangan yang amat baik. Adalah diharapkan agar PESUKA akan terus maju ke hadapan selaras dengan perkembangan MPSP dan juga perkembangan teknologi semasa.

Di akhir ucapan saya ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak PESUKA kerana berjaya menganjurkan majlis jamuan makan malam ini. Menganjurkan majlis yang besar sebegini melibatkan 1400 ahli dengan aktiviti yang padat disamping tugas-tugas harian yang sibuk bukanlah tugas yang mudah untuk dilaksanakan. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Berakhirlah sudah ucapan saya. Dengan ini, saya, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, merasmikan **Majlis Makan Malam PESUKA 2011** dan juga melancarkan akaun facebook **PESUKA**. Sekian, **Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

**Terima Kasih.**